

PRUlady



Perlindungan
berlainan untuk
keperluan anda yang
berlainan.
Itulah yang
membezakannya.



Dengan **PRU**lady, anda tidak perlu bimbang
hanya kerana anda seorang wanita

PRUDENTIAL 

SENTIASA MENDENGAR. SENTIASA MEMAHAMI.

Pelan Yang Unik Untuk Keperluan Wanita Yang Unik

Sebagai wanita moden, dalam mengharungi berlainan fasa kehidupan, anda tentu mempunyai pelbagai impian dan cita-cita. Membina kerjaya. Berkahwin. Mempunyai keluarga. Menghantar anak ke universiti. Merancang persaraan.

Anda juga mempunyai pelbagai keperluan. Keperluan yang unik bagi wanita.

Anda peka kepada penyakit-penyakit wanita yang dihadapi oleh ramai wanita di sekeliling anda. Sewaktu hamil dan bersalin, tentunya perhatian anda tertumpu kepada anak anda. Dalam perhubungan, dan dalam kerjaya, anda juga berhadapan dengan situasi yang berbeza sebagai seorang wanita.

Di Prudential, kami mendengar dan memahami keperluan anda. Itulah sebabnya kami tampil dengan PRU/lady, suatu polisi yang direka khas untuk wanita, tidak seperti kebanyakan pelan insurans lain yang memberi perlindungan yang sama terhadap lelaki dan wanita.

Dengan PRU/lady, anda berupaya menjaga diri anda dengan digniti, tanpa perlu membebankan orang lain.

PRU/lady Membantu Mengatasi Kebimbangan Anda Sebagai Seorang Wanita

PRU/lady ialah suatu polisi insurans hayat yang direka untuk memenuhi keperluan anda dalam menghadapi pelbagai peringkat kehidupan sebagai seorang wanita. Pelan ini melindungi anda dengan pelbagai cara.

- Premium dan manfaat terjamin.
- Membayar manfaat untuk peringkat kehidupan seperti perkahwinan, kelahiran anak, dan banyak lagi.
- Melindungi penyakit-penyakit wanita yang tidak dilindungi oleh pelan penyakit kritikal.
- Membayar manfaat untuk penyakit kanser wanita, walaupun anda menerima bayaran daripada pelan penyakit kritikal.
- Melindungi komplikasi kehamilan dan kelahiran bayi yang mempunyai penyakit kongenital, sesuatu yang tidak dilindungi oleh kebanyakan pelan perubatan yang lain.
- Membayar balik kos menjalani pembedahan plastik kerana kerosakan muka disebabkan oleh kemalangan, dan pemindahan kulit kerana kebakaran dan kanser.
- Menyediakan bayaran tunai sekaligus sekiranya berlaku kehilangan upaya menyeluruh dan kekal untuk meringankan beban kewangan anda.
- Membayar manfaat sekaligus kepada tanggungan anda apabila kematian.
- Paling istimewa ialah, pada tarikh tamat tempoh polisi, kami akan memulangkan semua premium yang sudah dibayar ditolak tuntutan yang dibuat. Anda akan mendapat semula semua wang anda jika anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan.

Memperkenalkan PRU/lady

PRU/lady ialah suatu polisi hayat yang unik direka untuk melindungi anda daripada tekanan kewangan disebabkan oleh penyakit wanita, kematian atau kehilangan upaya sehingga tamat tempoh polisi. Selain daripada itu, polisi ini juga membayar manfaat pada pelbagai peringkat kehidupan. Pada tarikh tamat tempoh polisi, PRU/lady akan membayar balik semua premium yang sudah dibayar ditolak tuntutan yang sudah dibuat.

Apakah Kelebihannya?

Anda boleh memilih pelan yang memenuhi keperluan anda.

Pelan	1	2	3	4
Had Sepanjang Hayat*	RM25,000	RM50,000	RM75,000	RM100,000
Manfaat Penyakit Wanita				
1) Kanser Wanita • Kanser Payudara, Uteri Serviks, Tiub Falopia, Ovari, Uterus dan Vagina / Vulva100%.....			
2) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis100%.....			
3) Arthritis Reumatoid dengan Komplikasi100%.....			
4) Pembedahan Rekonstruksi Muka kerana KemalanganBayaran balik sehingga 100%.....			
5) Pemindahan Kulit kerana KebakaranBayaran balik sehingga 100%.....			
6) Pemindahan Kulit kerana Kanser KulitBayaran balik sehingga 100%.....			
7) Karsinoma-in-situ Payudara atau Uteri Serviks30%.....			
8) Komplikasi Kehamilan • Penyebaran Penggumpalan Intravaskular (selepas hamil 7 bulan) • Kehamilan Ektopik • Kandungan Molar • Kematian Fetus (selepas 195 hari mengandung) • Kematian Anak (dalam tempoh 30 hari selepas lahir)30%.....			
9) Penyakit Kongenital Bayi (hidup lebih daripada 30 hari selepas lahir dan didiagnos dalam tempoh 2 tahun selepas lahir) • Kecacatan Ventrikel Septum • Kecacatan Atrium Septum • Sindrom Down • Spina Bifida • Tetralogi Fallot • Transposisi Pembuluh Utama30%.....			
Manfaat Peringkat Kehidupan • Manfaat Perkahwinan • Manfaat Kelahiran Anak • Manfaat Diberhentikan Kerja • Manfaat Perceraian • Manfaat apabila Kematian Suami	3% bagi setiap peristiwa tertakluk kepada 2 peristiwa bagi setiap hayat			
Manfaat Kematian/PRUdisability plus100%.....			
Manfaat Pemulangan Tunai pada Tarikh Tamat Tempoh	Bayaran kembali jumlah premium yang sudah dibayar ditolak tuntutan yang dibuat			

* Setiap tuntutan akan mengurangkan had sepanjang hayat. Apabila had sepanjang hayat habis digunakan, PRU/lady akan terhenti.

Manfaat Penyakit Wanita

PRU/lady membayar jumlah manfaat pelan yang anda pilih, seperti yang ditetapkan di dalam jadual di atas atau baki had sepanjang hayat, jika jumlahnya kurang.

Manfaat Karsinoma-in-situ Payudara atau Uteri Serviks dan setiap keadaan dalam Komplikasi Kehamilan dan Penyakit Kongenital Bayi hanya akan dibayar sekali sahaja. Manfaat Komplikasi Kehamilan juga akan dibayar sekali untuk satu kehamilan. Begitu juga dengan manfaat Penyakit Kongenital Bayi, yang dibayar hanya sekali untuk seorang anak.

PRU/lady membayar kembali kos perubatan sehingga 100% had sepanjang hayat pada waktu itu untuk sebarang prosedur pembedahan perubatan yang diperlukan bagi Pembedahan Rekonstruksi Muka kerana Kemalangan, Pemindahan Kulit kerana Kebakaran dan Kanser Kulit. Jika anda membuat tuntutan kos perubatan daripada sumber lain, anda akan dibayar kembali jumlah yang tidak dilindungi oleh sumber lain itu. Jika anda dirawat di luar negara, manfaat akan dibayar mengikut kos rawatan yang sewajarnya dikenakan oleh hospital di Malaysia. Manfaat ini akan dibayar sekiranya anda berada di luar negara tidak lebih daripada 90 hari dalam sesuatu lawatan.

Manfaat Kanser Wanita dan Pemindahan Kulit kerana Kanser Kulit bermula 60 hari selepas penerimaan. Bagi Karsinoma-in-situ Payudara atau Uteri Serviks dan Lupus Eritematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis, manfaat bermula 180 hari selepas penerimaan. Bagi Komplikasi Kehamilan dan Penyakit Kongenital Bayi, manfaat bermula 1 tahun selepas penerimaan.

Manfaat Peringkat Kehidupan

PRU/lady membayar manfaat sebanyak 3% daripada had sepanjang hayat bagi peringkat perkahwinan, kelahiran anak, dibuang kerja, perceraian atau kematian suami, tertakluk kepada jumlah 2 peristiwa. Baki had sepanjang hayat akan dibayar bagi tuntutan seterusnya.

Manfaat kerana Diberhentikan Kerja akan dibayar apabila dipaksa berhenti kerja kerana majikan mengecilkan operasi atau atas alasan perubatan dan selepas menganggur sekurang-kurangnya 6 bulan.

Manfaat Peringkat Kehidupan bermula 1 tahun selepas penerimaan.

Manfaat Peringkat Kehidupan yang pertama dan kedua akan dibayar hanya selepas sekurang-kurangnya 2 tahun premium dibayar bagi peristiwa pertama dan 4 tahun premium dibayar bagi peristiwa kedua.

Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian, 100% had sepanjang hayat pada waktu itu akan dibayar. Jika kematian berlaku kerana bunuh diri dalam tahun pertama, semua premium yang sudah dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

PRUdisability plus

Sekiranya berlaku kehilangan upaya menyeluruh dan kekal sebelum mencapai umur 60 tahun, 100% had sepanjang hayat pada waktu itu akan dibayar. Semua manfaat yang lain akan terhenti.

Manfaat maksimum PRUdisability plus yang boleh dibayar sekaligus ialah RM1 juta di bawah semua polisi anda dengan Syarikat.

Secara umumnya, kehilangan upaya anda mestilah menyeluruh dan kekal sehingga anda tidak dapat memegang sebarang pekerjaan dan menjalankan tugas untuk mendapat gaji atau keuntungan. Kehilangan upaya menyeluruh dan kekal merangkumi kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata, kehilangan 2 anggota kerana terputus atau kehilangan sebelah mata dan satu anggota.

PRUdisability plus tidak akan dibayar sekiranya kehilangan upaya anda disebabkan oleh percubaan membunuh diri dan terbang secara peribadi termasuk terjun paracut dan terjun udara.

Manfaat Pemulangan Tunai

PRU/lady akan mengembalikan semua premium yang sudah dibayar ditolak tuntutan yang dibuat pada tarikh tamat tempoh.

Nilai Tunai

Selepas anda membayar premium sekurang-kurangnya selama 3 tahun, polisi anda akan mempunyai nilai tunai. Nilai tunai akan berkurangan sekiranya anda pernah membuat tuntutan. Jika anda ingin menamatkan polisi, anda akan menerima nilai tunai pada waktu itu.

Apakah Pengecualian-pengecualiannya?

Pengecualian yang biasa ialah:

Manfaat Penyakit Wanita

- Kecederaan yang disengajakan
- Peperangan, rusuhan, mogok atau rusuhan awam
- AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV
- Penyalahgunaan / ketagihan alkohol atau ungunya
- Melanggar atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan
- Sebarang pembedahan elektif, pembedahan kosmetik atau plastik (melainkan diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan atau penyakit)
- Sukan-sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan, penyelaman skuba, aktiviti sukan di udara dan sebarang aktiviti atau sukan yang merbahaya
- Sebarang kehamilan yang berlaku setelah menjalani rawatan kesuburan, termasuk juga persenyawaan in-vitro*
- Menamatkan kehamilan secara elektif selain daripada sebab-sebab perubatan*

*Diguna pakai untuk Komplikasi Kehamilan dan Penyakit Kongenital Bayi sahaja.

Manfaat Diberhentikan Kerja

- Skim pemberhentian kerja sukarela
- Bekerja sendiri atau bekerja sementara
- Diberhentikan dalam tempoh 6 bulan pertama diambil bekerja

Berapakah Premium Yang Perlu Saya Bayar?

Premium yang perlu anda bayar bergantung kepada umur anda dan pelan yang anda pilih.

Bagaimanakah Cara Membayar Premium?

Anda boleh memilih untuk membayar secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan, sama ada melalui kad kredit, autodebit, arahan bank, cek atau tunai. Bayaran premium mestilah dibayar dalam tempoh sebulan daripada tarikhnya. Premium hendaklah dibayar sepanjang tempoh polisi.

Apakah Yang Akan Berlaku Sekiranya Terlepas Bayaran Premium?

Jika anda tidak membayar premium dalam tempoh sebulan yang diberikan, sedangkan usia polisi anda kurang daripada 3 tahun, maka polisi ini secara automatik akan ditamatkan.

Jika polisi anda sudah mempunyai nilai tunai dan anda tidak mampu membayar premium, Syarikat secara automatik akan membayar premium bagi pihak anda melalui Skim Pinjaman Premium Automatik. Anda boleh terus menikmati manfaat-manfaat polisi anda. Polisi anda akan tamat apabila pinjaman premium serta faedah melebihi nilai tunai. Faedah semasa sebanyak 8% setahun akan dikenakan. Kadar faedah boleh diubah oleh Syarikat berdasarkan keadaan pasaran.

Bagaimanakah Saya Boleh Sertai PRU/ady?

Anda boleh menyertai PRU/ady jika anda berumur di antara 16 dan 50 tahun.

Huraian Ringkas Mengenai Penyakit-penyakit Wanita/Bayi

Untuk membantu anda, kami sertakan di sini huraian ringkas mengenai sesetengah penyakit yang dilindungi. Senarai ini tidak mendalam dan anda haruslah merujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai penyakit sebenarnya yang dilindungi oleh PRU/ady.

- **Lupus Eritematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis**
Suatu penyakit yang menyebabkan badan mengeluarkan antibodi yang membinasakan sistem kolagen (seperti kulit, tulang, ligamen dan rawan). Perlindungan dihadkan untuk penyakit yang melibatkan kedua buah pinggang.
- **Karsinoma-in-situ Payudara atau Uteri Serviks**
Keadaan belum kanser di mana kansernya masih berada setempat di payudara/uteri serviks dan belum lagi merebak ke lain-lain bahagian tubuh badan.
- **Penyebaran Penggumpalan Intravaskular**
Gangguan darah dengan perdarahan/darah beku yang boleh membawa maut. Ia memerlukan rawatan dengan plasma dan platelet. Perlindungan hanya diberikan jika keadaan ini berlaku kepada kehamilan yang lebih daripada 7 bulan.
- **Kehamilan Ektopik**
Kehamilan yang berlaku di luar rahim.
- **Kandungan Molar**
Kehamilan yang merosot yang berlaku dalam bulan ke 4 dan 5, di mana progresnya terhenti dan kandungan berubah bentuk menjadi seperti segugus anggur.
- **Kecacatan Ventrikel Septum**
Penyakit jantung kongenital (terdapat pada waktu dilahirkan) yang melibatkan lubang pada dinding antara bahagian kiri dan kanan ruang bawah jantung.

- **Kecacatan Atrium Septum**
Penyakit jantung kongenital yang melibatkan lubang pada dinding antara bahagian kiri dan kanan ruang atas jantung.
- **Sindrom Down**
Gangguan genetik yang menyebabkan kanak-kanak dilahirkan dengan sifat-sifat fizikal yang menonjol dan mempunyai keperluan istimewa.
- **Spina Bifida**
Lubang pada tulang belakang sewaktu dilahirkan, disebabkan oleh penyambungan vertebra yang kurang tepat. Masalah saraf akan berlaku di bahagian bawah tubuh badan (pelvik dan kaki).
- **Tetralogi Fallot**
Penyakit jantung kongenital yang menunjukkan kecacatan 4 struktur jantung.
 - (1) Bahagian kanan ruang bawah jantung membesar.
 - (2) Pembuluh darah dari bahagian kanan jantung ke paru-paru menyempit.
 - (3) Dinding pemisah 2 ruang bawah jantung berlubang
 - (4) Pembuluh darah yang keluar dari bahagian kiri jantung terletak di antara bahagian kanan dan kiri ruang bawah jantung.
- **Transposisi Pembuluh Utama**
Penyakit jantung kongenital. Pembuluh darah, yang biasanya keluar dari bahagian kiri, akan keluar dari bahagian kanan, dan pembuluh darah yang biasanya keluar dari bahagian kanan, akan keluar dari bahagian kiri.

Notis Penting

- Polisi anda tidak akan mempunyai nilai tunai jika anda menamatkannya sebelum membayar premium selama 3 tahun.
- Jika anda menamatkan polisi anda lebih awal, anda akan mendapat nilai tunai yang kurang daripada jumlah premium yang sudah dibayar.
- Anda mestilah menyemak sama ada polisi anda memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premiumnya pada sepanjang tempoh polisi.

Sertailah Sekarang!

Untuk bantuan peribadi, sila hubungi 03-2116 0228 atau e-mel kami di customer.mys@prudential.com.my atau hubungi wakil Prudential anda yang peramah.

Risalah ini hanya untuk rujukan sahaja. Untuk keterangan lanjut mengenai terma dan syarat-syarat, sila rujuk kepada dokumen polisi.



Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Tingkat 17, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.